

21 JUL 1996

Rozali-darurat

RAKYAT MAMPU SELESAIKAN MASALAH KELANTAN

KOTA BAHARU, 21 Julai (Bernama) -- Parti Melayu Semangat 46 (S46) Kelantan hari ini berkata suasana politik yang tidak stabil di negeri itu boleh diselesaikan sendiri oleh rakyat dan kerajaan negeri tanpa memerlukan campur tangan kerajaan pusat khususnya menerusi pengisytiharan darurat.

Pengerusi Perhubungan S46 Kelantan Datuk Rozali Isohak berkata S46 masih berpegang kepada langkah penyelesaian secara demokrasi dan menyerahkan nasib dan masa depan parti itu kepada rakyat Kelantan.

"Pandangan sesetengah pihak bahawa menguatkuasakan darurat ialah antara langkah yang dapat menyelesaikan kemelut politik di Kelantan adalah tidak tepat kerana rakyat saja yang berhak menentukan pilihan mereka," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan pusat tidak akan campur tangan dalam pentadbiran negeri Kelantan sekarang dan sebaliknya menyerahkan kepada rakyat untuk membetulkan suasana politik negeri itu.

Rozali berkata S46 menyambut baik pendirian Dr Mahathir itu yang menunjukkan beliau mengambil berat mengenai rakyat dan masa depan Kelantan.

Katanya sejak bermulanya krisis dengan PAS, S46 telah mendesak PAS membubarkan Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan rakyat memberi mandat baru kepada kerajaan negeri yang akan datang, sebaliknya PAS yang mempunyai kuasa enggan melakukannya.

Rozali juga berkata S46 belum lagi mengemukakan permohonan untuk menghadap Sultan Kelantan berhubung krisis itu, khusus setelah Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menggugurkan jawatan pengerusi portfolio keempat-empat anggota Exco daripada parti itu berkuatkuasa Khamis lepas.

Bernama juga difahamkan esok kesemua 11 anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan dari S46 akan bertemu dengan Presiden parti itu Tengku Razaleigh Hamzah di Kuala Lumpur bagi membincangkan mengenai perkembangan terbaru suasana politik Kelantan termasuk perkara-perkara yang akan dibawa ketika menghadap Sultan.

Jumaat lepas, Anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Kelaboran, Nordin Yaakub dari S46 mengumumkan tindakannya menyertai PAS. Dalam pilihan raya lepas, PAS menang 24 kerusi, S46 (12 kerusi) dan Barisan Nasional (tujuh kerusi).

PAS juga baru-baru ini mengumumkan akan menghadap Sultan Kelantan bagi mengemukakan senarai rombakan baru anggota Exco bagi menggantikan anggota Exco dari S46 yang telah diisytiharkan oleh PAS sebagai pembangkang.

Ketika dihubungi, jurucakap Istana berkata setakat ini kedua-dua parti itu belum lagi membuat sebarang temujanji untuk menghadap Sultan. --

BERNAMA

RAR MAI